

Yusliena Yusoff, Zanariah Aziz Omar, Yunita Awang, Rohana Yusoff and Kamaruzaman Jusoff (2011). Does Knowledge on Professional Accounting Influence Career Choice?. *World Applied Science Journal (Special Issue on Bolstering Economic Sustainability)*. 57-60.

KEPUASAN STAF TERHADAP PELAKSANAAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S) DI POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA

Zuraini Binti Zainal Abidin¹, Suhaila binti Mat Nor²

¹Jabatan Perdagangan
Politeknik Merlimau, Melaka

²Jabatan Perdagangan
Politeknik Merlimau, Melaka

zuraini_z@pmm.edu.my, suhaila_mn@pmm.edu.my

Abstrak

Program Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) merupakan amalan asas ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti dalam pengurusan sesebuah organisasi di samping efektif dalam mengekalkan persekitaran yang berkualiti di tempat kerja. Ianya adalah hasil intergrasi antara kaizen dan inovasi. Kaizen merupakan satu set amalan penambahbaikan secara berterusan yang telah lama diamalkan oleh masyarakat Jepun. Proses penambahbaikan yang dilakukan dalam konsep Kaizen ini bukannya secara drastik tetapi secara perlahan-lahan dan hasilnya akan memakan masa. Konsep yang menjadi budaya kerja masyarakat Jepun ini semakin menjadi ikutan organisasi di Malaysia dewasa ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengukur kepuasan staf terhadap pelaksanaan Amalan QE/5S dari aspek ruang kerja, pengurusan fail, pembudayaan dan pelaksanaan aktiviti. Seramai 214 orang staf yang terdiri daripada pensyarah dan staf sokongan telah dipilih untuk mewakili sampel kajian dan 198 responden telah mengembalikan soalselidik tersebut. Satu set borang soal selidik yang mengandungi lima (5) bahagian yang terdiri daripada Bahagian A iaitu maklumat Am, Bahagian B iaitu kepuasan staf dari aspek ruang kerja. Bahagian C pula iaitu kepuasan staf dari aspek pengurusan fail. Bahagian D pula adalah mengenalpasti kepuasan staf dari aspek pembudayaan Amalan QE/5S dan Bahagian E adalah mengenalpasti pelaksanaan aktiviti QE/5S memberi kepuasan kepada staf. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) for Windows* versi 20.0 dan dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif iaitu skor min. Dapatan kajian menunjukkan kepuasan staf terhadap pelaksanaan Amalan QE/5S di Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, Amalan QE/5S wajar diteruskan pelaksanaannya di PMM untuk memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat, di samping dapat meningkatkan prestasi kerja staf dan imej organisasi.

Kata kunci : Kepuasan Staf, Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)

1.0 Pengenalan

Amalan QE/5S adalah satu amalan yang telah dipopularkan dan dipraktikkan oleh masyarakat Jepun. 5S merupakan ringkasan daripada lima (5) perkataan Jepun iaitu Seiri (Organisasi), Seiton (Kemas), Seiso (Bersih), Seiketsu (Standard), dan Shitsuke (Disiplin). Ia disingkatkan kepada lima kunci utama yang lebih memfokus kepada kualiti persekitaran menyeluruh.

Amalan QE/5S adalah bertujuan mewujudkan suasana persekitaran kerja yang sistematik dan praktikal. Melalui amalan ini, tempat kerja menjadi lebih teratur dan selesa sepanjang masa. Oleh itu, kerja akan menjadi lebih produktif, cekap, selamat dan menjimatkan kos. Justeru itu, Amalan

198 orang sahaja yang telah diambil kira sebagai responden. Ini kerana sebanyak 16 borang soal selidik tidak dapat dikutip.

Bagi memastikan kebolehpercayaan item-item soalan dalam borang soal selidik, pengkaji menggunakan kaedah Indeks Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha*. Indeks Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* digunakan untuk memastikan kebolehpercayaan instrumen di mana item yang diberikan adalah menyoal perkara yang dikaji. Setelah kajian rintis dilakukan, nilai *Cronbach's Alpha* yang diperolehi adalah 0.926 bagi 23 orang sampel untuk mendapatkan kebolehpercayaan soal selidik. Nilai *Cronbach's Alpha* yang diperolehi ini menunjukkan bahawa item-item yang terdapat dalam borang soal selidik yang dibangunkan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Data-data yang diperolehi daripada borang soal selidik seterusnya diukur menggunakan skala Likert 4 dengan empat pilihan jawapan iaitu skala 1 sangat tidak setuju, hingga skala 4 sangat setuju. Responden hanya perlu menjawab soalan dengan menandakan (/) pada petak yang bersesuaian.

Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dikumpulkan bagi mengetahui maklum balas responden dan dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences*) versi 20.0. Dapatan yang dihasilkan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan kemudiannya ditafsir dengan merujuk Jadual 3.1 di bawah yang telah diperolehi daripada Zainudin Abu Bakar, Meor Ibrahim Kamaruddin, Megat Aman Zahiri Megat Zakaria dan Mohd Ali Ibrahim dalam Abdull Sukor Shaari, Ab. Aziz Yusof dan Mohd Khan Jamal Khan (2008)

Jadual 3.1 Jadual Pengukuran Min

Skor Min	Tafsiran
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

Sumber: Zainudin Abu Bakar, Meor Ibrahim Kamaruddin, Megat Aman Zahiri Megat Zakaria dan Mohd Ali Ibrahim dalam Abdull Sukor Shaari, Ab. Aziz Yusof dan Mohd Khan Jamal Khan (2008)

4.0 Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, terdapat 28 item yang dinilai oleh responden yang terdiri daripada 6 item masing-masing di Bahagian B, C dan E, manakala 10 item di Bahagian D. Dapatan kajian ini dianalisis dan dirumus merujuk kepada objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Soalan a: Adakah Amalan QE/5S memberi kepuasan kepada staf dari aspek ruang kerja?

Bahagian ini mengandungi 6 item soalan yang diukur untuk mengkaji impak pelaksanaan Amalan QE/5S dari aspek *ruang kerja*. Hasil kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 : Analisis Min Bagi Pembolehubah Ruang Kerja

Bil	Item Soalan	Skor min	Tafsiran
a	Susunan perabot di ruang kerja tidak menghalang laluan	3.36	TINGGI
b	Amalan QE/5S dapat mewujudkan ruang kerja yang selamat	3.54	TINGGI
c	Susun atur ruang pejabat yang kondusif	3.32	TINGGI
	Peralatan gunasama mempunyai Standard Operating	3.26	TINGGI

d	Procedure (SOP)		
e	Penjimatan ruang dapat dilakukan	3.32	TINGGI
f	Susun atur ruang kerja dapat meningkatkan semangat staf untuk bekerja	3.44	TINGGI
	Skor Min dan Tafsiran Keseluruhan	3.37	TINGGI

Penilaian terhadap persoalan kajian pertama iaitu berkaitan dengan kepuasan staf terhadap amalan QE/5S dari aspek ruang kerja telah menganalisis 6 item soalan seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.1. Jadual tersebut menunjukkan Amalan QE/5S dapat mewujudkan ruang kerja yang selamat dengan skor minnya paling tinggi iaitu 3.54. Secara keseluruhannya, kepuasan staf dari aspek ruang kerja adalah berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan 3.37.

Soalan b : Adakah Amalan QE/5S memberi kepuasan kepada staf dari aspek pengurusan fail?

Bahagian ini juga mengandungi 6 item soalan yang diukur untuk mengkaji kepuasan staf terhadap pelaksanaan Amalan QE/5S dari aspek *pengurusan fail*. Hasil kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2 : Analisis Min Bagi Pembolehubah Pengurusan Fail

Bil	Item Soalan	Skor min	Tafsiran
a	Staf berpuas hati dengan susunan fail	3.31	TINGGI
b	Amalan QE/5S menjadikan sistem pemfailan lebih tersusun	3.52	TINGGI
c	Proses kerja lebih sistematik dengan adanya amalan ini	3.50	TINGGI
d	Pencarian fail lebih mudah dengan adanya pelabelan	3.57	TINGGI
e	Masa pencarian fail lebih pantas berbanding sebelum pelaksanaan amalan QE/5S	3.54	TINGGI
f	Kerja melabelkan fail tidak membebaskan tugas staf	3.13	TINGGI
	Skor Min dan Tafsiran Keseluruhan	3.43	TINGGI

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa pencarian fail adalah lebih mudah dengan adanya pelabelan yang mencatatkan skor min tertinggi iaitu 3.57. Selain daripada itu, masa pencarian fail adalah lebih pantas berbanding sebelum pelaksanaan amalan ini dengan skor minnya adalah 3.54. Dapatan ini membuktikan bahawa staf amat berpuashati terhadap pelaksanaan amalan QE/5S khususnya dari segi masa pencarian fail yang lebih cepat. Walau bagaimanapun, responden menyatakan kerja melabelkan fail ini agak membebaskan tugas mereka dengan skor minnya adalah paling rendah iaitu 3.13. Daripada jadual ini dapat dinyatakan bahawa aspek pengurusan fail secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi.

Soalan c : Apakah persepsi staf dari aspek pembudayaan Amalan QE/5S?

Bahagian ini mengandungi 10 item soalan yang diukur untuk mengukur persepsi staf terhadap pelaksanaan Amalan QE/5S dari aspek *Pembudayaan QE/5S*. Hasil kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3 : Analisis Min Bagi Pembolehubah Pembudayaan

Bil	Item Soalan	Skor min	Tafsiran
a	Melalui Amalan QE/5S, sistem penyampaian perkhidmatan adalah lebih cekap	3.39	TINGGI
b	Melalui Amalan QE/5S, sistem penyampaian perkhidmatan adalah lebih berkesan	3.39	TINGGI

c	Pengurusan sumber dapat dioptimumkan	3.27	TINGGI
d	Persekitaran lebih bersih melalui Amalan QE/5S	3.49	TINGGI
e	Tahap keselamatan di tempat kerja bertambah baik	3.45	TINGGI
f	Moral warga PMM dapat dipertingkatkan melalui pembudayaan Amalan ini	3.34	TINGGI
g	Pembudayaan Amalan ini telah memupuk semangat kerja berpasukan dalam kalangan staf	3.35	TINGGI
h	Melalui Amalan ini, staf telah berkomunikasi secara lebih terbuka	3.26	TINGGI
i	Melalui Amalan ini, staf telah membina idea-idea yang lebih kreatif	3.26	TINGGI
j	Penglibatan staf dalam aktiviti QE/5S dinilai dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)	3.15	TINGGI
	Skor Min dan Tafsiran Keseluruhan	3.34	TINGGI

Sebanyak 10 item soalan telah dianalisis untuk menilai persoalan kajian yang ketiga iaitu berkaitan dengan persepsi staf terhadap aspek pembudayaan Amalan QE/5S seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3. Berdasarkan jadual di atas, persekitaran lebih bersih melalui Amalan QE/5S mencatatkan skor min tertinggi iaitu 3.49. Namun begitu, responden dilihat kurang bersetuju dengan kenyataan penglibatan staf dalam aktiviti QE/5S dinilai dalam LNPT dengan skor minnya paling rendah iaitu 3.15. Walaupun responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini, pihak pengurusan PMM merasakan ianya wajar diambil kira bagi memastikan staf memberi kerjasama dan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti amalan ini di PMM. Keseluruhannya, skor min adalah berada pada tahap tinggi iaitu 3.34.

Soalan d : Adakah pelaksanaan aktiviti QE/5S memberi kepuasan kepada staf?

Bahagian ini pula mengandungi 6 item soalan yang diukur untuk mengkaji pelaksanaan aktiviti QE/5S memberi kepuasan kepada staf. Hasil kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4 : Analisis Min Bagi Pembolehubah Pelaksanaan Aktiviti

BID	Item Soalan	Skor Min	Tafsiran
a	Pelaksanaan Aktiviti QE/5S di Politeknik dapat meningkatkan tahap S yang ke lima iaitu "SENTIASA AMAL"	3.30	TINGGI
b	Aktiviti yang dilaksanakan memberi impak positif kepada staf	3.33	TINGGI
c	Morale staf dapat dipertingkatkan melalui aktiviti QE/5S.	3.32	TINGGI
d	Aktiviti QE/5S dapat mengeratkan ukhwah sesama staf.	3.36	TINGGI
e	Penglibatan semua warga adalah menggalakkan	3.25	TINGGI
f	Staf memberi kerjasama dalam menjayakan aktiviti QE/5S	3.24	TINGGI
	Skor Min dan Tafsiran Keseluruhan	3.30	TINGGI

Dalam aspek pelaksanaan aktiviti QE/5S terhadap amalan ini di Politeknik Merlimau, skor min tertinggi menunjukkan aktiviti yang dilaksanakan dapat mengeratkan ukhwah sesama staf, diikuti oleh aktiviti yang dilaksanakan memberi impak positif kepada staf dengan skor min 3.33. Selain daripada itu, melalui aktiviti yang telah dilaksanakan juga, tahap S yang kelima iaitu Sentiasa Amal turut dapat ditingkatkan. Walau bagaimanapun, staf yang memberi kerjasama dalam menjayakan

aktiviti QE/5S mencatatkan skor min terendah iaitu 3.24. Daripada jadual ini dapat dinyatakan bahawa aspek pelaksanaan aktiviti QE/5S adalah berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan sebanyak 3.30.

5.0 Perbincangan

5.1 Kepuasan Staf Terhadap Pelaksanaan Amalan QE/5S Dari Aspek Ruang Kerja

Secara amnya, staf berpuashati terhadap aspek ruang kerja yang dilaksanakan dalam Amalan QE/5S. Ini disokong oleh dapatan kajian daripada Sulaiman Kadikon dan Liza Narawi (2007) yang menyatakan bahawa sistem 5S dapat membantu pekerja melakukan sesuatu kerja dengan lebih sistematik dan meningkatkan produktiviti serta persekitaran tempat kerja lebih teratur dan bersih. Selain daripada itu, amalan QE/5S juga dapat mewujudkan ruang kerja yang selamat. Dapatan kajian ini disokong dalam Buku Panduan Amalan 5S KPT yang menyatakan implementasi dan amalan 5S di tempat kerja akan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang sistematik, lebih teratur, bersih dan kemas, selamat dan produktif. Dengan pelaksanaan amalan ini juga, susun atur ruang kerja telah dapat meningkatkan semangat staf untuk bekerja dan ini disokong oleh kajian daripada Myazaitul Akma Mohammad (2010) yang menyatakan bahawa Program 5S adalah usaha keseluruhan organisasi bagi menjadikan tempat kerja bersih, tersusun, bersistem dan lebih produktif.

5.2 Kepuasan Staf Terhadap Pelaksanaan Amalan QE/5S Dari Aspek Pengurusan Fail

Dalam aspek pengurusan fail, amalan QE/5S telah memberi kepuasan yang tinggi dalam kalangan staf. Melalui amalan ini, pencarian fail lebih mudah dengan adanya pelabelan, sistem pemfailan lebih tersusun dan masa pencarian dapat dijitamkan. Dapatan ini disokong melalui kajian yang dijalankan oleh Normah Jantan (2011), di mana kaedah penyimpanan/penyusunan barang/fail peribadi adalah lebih sistematik selepas pelaksanaan amalan 5S. Aspek ini amat dititikberatkan dalam amalan QE/5S terutamanya dari segi pelabelan pada fail yang banyak membantu kepada sistem pemfailan di PMM khususnya bagi tujuan Audit ISO daripada SIRIM dan Audit Akreditasi Program Pengajian oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

5.3 Persepsi Staf Dalam Membudayakan Amalan QE/5S

Budaya Amalan QE/5S dalam kalangan staf telah berjaya meningkatkan tahap persekitaran kampus yang lebih bersih, ceria dan sistem penyampaian yang lebih cekap dan berkesan dan kenyataan ini disokong oleh kajian daripada Myazaitul Akma Mohammad (2010) yang menyatakan bahawa suasana Institut Kemahiran Mara (IKM) Lumut menjadi lebih bersih dan ceria dengan pelaksanaan amalan 5S. Menurut Dr Aminuddin Hassim dalam Azlan, Haji Mohammad, Jemian dan Mastina (2010), Amalan QE/5S merupakan konsep pengurusan kualiti yang dapat mentransformasikan sesebuah organisasi dari segi perubahan budaya, disiplin bekerja dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih bersistematik, bersih dan selamat. Selain daripada itu, pembudayaan amalan QE/5S telah memupuk semangat kerja berpasukan dalam kalangan staf. Kenyataan ini disokong oleh Ahmad Fadzli Yusof (2007) yang menyatakan bahawa dengan kerja berpasukan, organisasi seolah-olah mendapat kekuatan yang baru iaitu semangat, fokus dan produktiviti ahli meningkat.

5.4 Kepuasan Staf Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Amalan QE/5S

Pelaksanaan aktiviti QE/5S yang telah dilaksanakan dapat memberi impak positif dan meningkatkan *morale* dalam kalangan staf. Dapatan ini disokong oleh kajian daripada Mohamed Anwar Mohamed Jamil, Nur Ain Muin & Zakaria Mustafa (2013) bahawa dalam organisasi syarikat, motivasi adalah hasil yang signifikan daripada proses penglibatan pekerja. Ini bermakna dorongan sangat diperlukan dalam mengimplementasikan Kaizen dalam kehidupan seharian. Kepercayaan dan menghormati merupakan nilai-nilai teras dalam proses Kaizen dan harus didokong oleh individu yang terlibat dalam aktiviti yang dilakukan. Daripada nilai teras tersebut akan mengembangkan budaya dan konsep sendiri berteraskan Kaizen yang akan memperlihatkan ciri-ciri seperti fokus terhadap setiap perincian yang dirancang, mudah menerima nasihat membina, sanggup untuk bertanggungjawab, kesediaan untuk bekerjasama, sentiasa memandang ke hadapan dan bangga dengan aktiviti yang dilaksanakan sebagai penghargaan terhadap diri dan juga kumpulan.

Selain daripada itu, pelaksanaan aktiviti QE/5S seperti pertandingan antara zon, gotong royong, audit dalaman, lawatan penandaarasan dan sebagainya dapat membantu organisasi mengekalkan amalan sesuai dengan S yang kelima iaitu Sentiasa Amal. Menurut Azlan, Haji Mohammad, Jemian dan Mastin (2010), penandaarasan penting dalam sesebuah organisasi. Ia merupakan satu kaedah di mana sesebuah organisasi itu mempelajari sesuatu idea yang baru, diubahsuai dan ditokok tambah dengan cetusan idea sendiri, dan diaplikasikan mengikut kesesuaiannya di dalam organisasi tersebut.

6.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian yang telah dijalankan, staf berpuashati terhadap pelaksanaan amalan QE/ 5S di Politeknik Merlimau. Pelaksanaan aktiviti yang berteraskan Amalan QE/5S yang telah dilaksanakan ini bukan sahaja memberi kesan kepada persekitaran pejabat tetapi juga kepada aspek yang lain seperti ruang kerja, pengurusan fail dan pembudayaan kerja staf. Malah, aktiviti QE/5S yang telah dirancang dan dilaksanakan telah dapat mendisiplin dan meningkatkan etika kerja kakitangan jabatan seterusnya, dapat meningkatkan prestasi kerja, kualiti kerja dan tingkahlaku yang baik berhubung dengan kebersihan dan keselamatan. Amalan QE/5S juga telah meningkatkan semangat kerja berpasukan dalam memastikan kejayaan program tersebut dan akhirnya meningkatkan produktiviti dan kualiti organisasi ke arah peningkatan ekspektasi dan kepuasan pelanggan. Dapatan kajian yang menunjukkan kepuasan staf terhadap pelaksanaan Amalan QE/5S di PMM ini membuktikan bahawa *Best Practice* ini wajar diteruskan selari dengan matlamat QE/5S Politeknik Merlimau yang pertama iaitu untuk menjadi Penandaaras Pelaksana 5S yang diiktiraf, sekaligus dapat meningkatkan imej PMM dalam kalangan agensi kerajaan ataupun swasta.

Rujukan

- Abd Rahim Abdul Rahman. (2014). *Sistem pengurusan fail di sekolah*. Diperolehi daripada <http://www.slideshare.net/ilhafiz/sistem-fail-sekolah>
- Abdull Sukor Shaari, Ab. Aziz Yusof & Mohd Khan Jamal Khan. (2008). Keadilan penilaian prestasi dalam kalangan guru dan hubungannya dengan motivasi kerja dan prestasi akademik sekolah. *International Journal of Management Studies*, 15, 159 - 176.
- Ahmad Fadzli Yusof. (2007). *Mengurus kerja berpasukan*. Kuala Lumpur: ISBN: 978-967-411-205-9. PTS Publication.
- Ahmad Yusup. (2012). *Taklimat pengurusan fail*. Diperolehi daripada <http://www.slideshare.net/MgkkKluangJohor/pengurusan-fail>

- Azlan, Haji Mohammad, Jemian & Mastina. (2010). *Pelaksanaan 5S di INTAN SABAH: Pengalaman Organisasi*. ISBN 967-10265-0-2: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Buku Panduan Amalan 5S KPT. (2012). Diperolehi daripada https://www.mohe.gov.my/2012/10/buku_panduan-kpt.pdf
- Faezah Omar. et.al. (2011). *Statistics (Second Edition) Oxford Fajar Polytechnic Series*. Shah Alam, Selangor. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kraftangan. (2011). Amalan 5S di bahagian khidmat pengurusan. Diperolehi daripada <http://bkpkraf.blogspot.com/2011/10>
- Mohamed Anwar Mohamed Jamil, Nur Ain Muin & Zakaria Mustafa. (2013). Adaptasi sistem kaizen dalam konsep pengurusan sendiri: satu kajian kes di Jabatan Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*. e-ISBN 978-967-11768-1-8, 473-495.
- Mohd Ashari Idris. (2004). *Orientasi kualiti, prinsip dan amalan strategik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- MPC. (2010). *Pelaksanaan Langkah Demi Langkah*. ISBN 983-2025-12-5. Petaling Jaya: Perbadanan Produktiviti Malaysia.
- Myazaitul Akma Mohammad. (2010). *Satu kajian kes mengenai amalan budaya berkualiti dan implikasinya*. *Jurnal Pendidikan Dan Latihan*. Jilid 2 Bil.02, 14-27.
- Normah Jantan. (2011). *Kajian terhadap impak pelaksanaan amalan 5S di kalangan staf Politeknik Merlimau, Melaka*. Diperolehi daripada <http://www.pmm.edu.my/JPP/Kajian%20Impak%205S%20staf%20PMM%202011.pdf>
- Ruhani Mat Min. (2009). *Budaya sokolah: Implikasi terhadap proses pembelajaran secara mengalami*. *Jurnal Kemanusiaan* bil. 13, 63-78
- Sulaiman Bin Kadikon & Liza Binti Narawi. (2007). *Persepsi Staf Terhadap Amalan 5S Menurut Pendekatan Islam*. Diperolehi daripada http://eprints.utm.my/10982/1/Persepsi_Staf_Terdapat_Amalan_5S_Menurut_Pendekatan_Islam.pdf
- UKM. (2013). *Program 5S PTJ Zon 3*. Diperolehi daripada <http://www.ukm.my/ptjzon3>